

Keputusan sertai tentera pelbagai negara diketahui sehari dua lagi

UM 20 DEC 2001

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Keputusan sama ada Malaysia menganggotai pasukan tentera pelbagai negara diketuai oleh Britain untuk berkhidmat di Kabul akan diketahui dalam tempoh sehari dua ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, beliau akan membawa perkara itu kepada perhatian kerajaan untuk diputuskan dengan segera.

"Kita sebelum ini telah diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi di Britain dan penasihat pertahanan kita untuk menghadiri mesyuarat di London bagi mendapatkan gambaran mengenai penubuhan pasukan itu," katanya ketika dihubungi malam ini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan penyelarai-an Malaysia dalam pasukan yang dikenali sebagai tentera pelbagai negara dengan 3,000 anggota membabitkan 16 negara.

Kerajaan sementara Afghanistan hari ini menyatakan persetujuan untuk menerima

kehadiran pasukan berkenaan bagi tempoh enam bulan dengan mandat yang terhad.

Bakal Menteri Pertahanan kerajaan sementara Afghanistan, Mohammad Qasim Fahim berkata, di bawah perjanjian dengan tentera British, pasukan itu akan mula dihantar pada Sabtu ini.

Selain Britain dan Malaysia negara terlibat termasuk Australia, Kanada, Republik Czech, Perancis, Jerman Greece, Itali, Jordan, Belanda, Amerika Syarikat, New Zealand, Norway, Sepanyol dan Turki.

Syed Hamid bagaimanapun berkata, pasukan terbabit mempunyai fungsi berbeza dengan pasukan pengaman yang diberi mandat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), yang selama ini mendapat komitmen kerajaan.

"Pasukan ini berbeza dengan pasukan pengaman yang biasanya disertai oleh Malaysia di bawah mandat PBB," katanya.

Menurutnya, di bawah pasukan pelbagai negara setiap negara akan mengenakan se-

ragam tentera masing-masing.

Malaysia katanya, antara tiga negara Islam yang menerima pelawaan menghadiri mesyuarat tersebut dan pelawaan itu adalah atas kepercayaan dunia mengenai keupayaan dan pengalaman negara berkhidmat dalam pasukan antarabangsa.

Katanya, kali terakhir Malaysia menyertai pasukan serupa itu ialah semasa konflik di Bosnia.

Beliau turut mengumumkan persetujuan kerajaan Pakistan bagi membolehkan Malaysia menghantar pasukan percubatan tentera untuk berkhidmat di khemah-khemah pelarian Afghanistan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menghubungi Presiden Pervez Musharraf semalam berhubung perkara itu dan saya telah dimaklumkan oleh Perdana Menteri mengenai hari ini," katanya.